

Apa yang perlu kita lakukan, untuk "mengalihkan batu itu" yang menghalang kita daripada membuat perubahan?


AYAT SUCI MINGGU INI

Bacaan 1 Yehezkiel
37:12
"Akulah Tuhan"

Mazmur 129
"Tuhan, dengarlah suaraku"

Bacaan 2 Roma 8: 10
"Kristus ada di dalammu"

Injil Yoh 11:1-45
"Lazarus, keluarlah!"



Published by:
Peninsular Malaysia
Pastoral Team

Email: api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

BUL 13/2023

Keinginan untuk sesuatu yang baru terungkap apabila kita berkata, "Seandainya _____. Isi tempat kosong dengan apa sahaja, itu akan membuatkan kita berasa lengkap. Kita sedang mencari sesuatu yang baharu setiap kali kita cuba menjadikan diri kita lebih baik. Kadang-kala kesedihan, keletihan dan kekeliruan, menguasai kita dan kita mengharapkan sesuatu yang lebih baik. Kadang-kala kita mencari sesuatu yang baharu, dalam hidup kita.

Dalam Injil minggu ini kita mendengar Yesus berkata, "Angkat batu itu." Apakah batu yang menghalang kita, daripada membuat perubahan?

Apa yang perlu kita lakukan, untuk "mengalihkan batu itu" yang menghalang kita daripada membuat perubahan? Siapa yang boleh membantu kita?

Yesus berseru, 'Lazarus, keluarlah!' Apakah langkah pertama, yang perlu kita ambil untuk keluar, untuk dijadikan baharu? Yesus tidak meminta kita melakukan sesuatu yang belum Dia lakukan. Dia juga mengambil langkah pertama keluar dari kubur, "supaya kita juga berjalan dalam kehidupan yang baharu" (Roma 6:4). Yesus berkata, "Lepaskan dia, dan biarkan dia pergi." Jika kita tidak mahu membuka dan melepaskan, tiada apa yang boleh dibuat baharu.

Galakkan setiap ahli keluarga kita, untuk menulis dalam sekeping kertas bahagian kehidupan keluarga kita yang perlu kita buka? (tak perlu tulis nama kita) Cari kotak dan tempat yang sesuai, untuk memasukkan kertas-kertas ini. Luangkan masa, setiap hari sebagai sebuah keluarga meminta Yesus untuk melepaskan kita, daripada kesukaran ini. Ia adalah satu cara untuk menjadikan keluarga kita fokus kepada Yesus. ✨

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Prapaskah Ke-5

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN (INKLUSIF), PENYERTAAN (KREATIF), MISI (PEMBINAAN JAMBatan)

FOKUS BULANAN:
KELUARGA DAN DOA

ACARA FOKUS:
HARI DOA SEDUNIA
– MUSIM PRAPASKAH



*Keluar Dari
KUBUR*

Apa yang ada dalam hidup kita hari ini yang perlu dibuat baharu. Bagaimanakah anda akan melengkapkan ayat ini: "Tuhan, sekiranya Engkau berada di sini, _____?"